# Agenda 3: Laporan Jawatankuasa Tinggi Pusat

**AM**

1. Persidangan Kebangsaan 2014 diadakan di One City, USJ 25, Subang Jaya, Selangor pada 14 Disember 2014, selepas Kongres Kebangsaan Ke-16 diadakan pada 15 dan 16 Disember 2012 di Pulau Pinang and selepas pengundian semula untuk Jawatankuasa Tertinggi Pusat (CEC) yang sedia ada dilaksanakan pada 29 Disember 2013 di Petaling Jaya, Selangor.

2. Tema Persidangan kali ini adalah "Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing." Ini adalah peribahasa Melayu lama yang mencerminkan komitmen DAP terhadap solidariti rakyat Malaysia ke arah perpaduan, toleransi, keadilan sosial dan peluang saksama untuk semua.

**KEDUDUKAN PARTI**

3. DAP lawan ROS

Sejak kejayaan DAP dalam pilihanraya umum 2008, Barisan Nasional yang dikuasai oleh UMNO telah menyerang Parti kita siang dan malam. Sebabnya mudah sahaja: Jika rakyat Malaysia, terutamanya orang Melayu, boleh menerima DAP atau politik bukan-kaum, ia akan menghancurkan politik perkauman di negara ini. Tindakan-tindakan hasad dengki UMNO-BN yang tak henti-henti itu telah menjangkau pula kepada tindakan Pendaftar Pertubuhan (ROS) yang mahu mengharamkan DAP menjelang PRU ke-13 tahun lalu. Kita tidak berundur dan dengan itu, kita menang pusingan pertama.

Kemudian ROS datang menyerang kita lagi. Dan sekali lagi, kita bertempur di medan perundangan dan kita menang dalam perjuangan politik kita. ROS terpaksa tunduk di mahkamah selepas disaman oleh DAP, iaitu ROS perlu menerima hakikat bahawa arahan ROS yang menyatakan jawatankuasa tertinggi pusat Parti yang sah yang dipilih pada 29 September 2013 tidak boleh membuat keputusan untuk DAP kerana ia tidak diiktiraf, adalah tidak terikat dengan undang-undang.

Walaupun DAP terpaksa bersetuju dengan tuntutan awal ROS supaya Parti kita mengadakan pemilihan semula - jika tidak, Parti menghadapi risiko diharamkan, dan kita tetap mengadakan pemilihan semula itu walapun dengan bantahan, kita tetap berjuang dengan semangat solidariti dan telah membuktikan bahawa kita tidak akan dapat dikalahkan. Walaupun ancaman terhadap Parti masih ada, kita akan terus dengan perjuangan kita. Kita penuh yakin bahawa setiap ahli Parti akan melakukan yang terbaik untuk mempertahankan hak kita untuk terus wujud dan berjuang.

4. Perginya para pemimpin yang kita sayangi

Dengan rasa sedih dan dukacita kita mengenang pemergian tokoh-tokoh Parti kita yang telah berkorban jiwa raga sepanjang hidup mereka untuk membina Malaysia baru yang berasaskan demokrasi sebenar, keadilan dan peluang saksama. Kita mengucapkan selamat tinggal kepada mereka dan menyampaikan salam takziah kepada ahli keluarga masing-masing.

a) Sdr Karpal Singh

Pengerusi Parti kita Sdr Karpal Singh, yang terkenal sebagai suara hati nurani kepada negara, telah dengan sedihnya meninggalkan kita pada 17 April 2014. Namun hingga di saat-saat akhir, beliau

tetap berjuang dengan perjuangannya yang kita semua sanjungi dan menyokongnya sebagai seorang pemimpin yang berani. Apabila beliau meletak jawatan sebagai Pengerusi Parti pada 29 Mac 2014 untuk mengelakkan Parti daripada dilibatkan dengan tekanan UMNO-BN, kita melihat keikhlasan semangat perjuangan sebenar Karpal dan kepimpinannya yang tiada tandingan, selaras dengan gelaran harimau yang diberikan oleh rakyat kepada beliau. Sdr Tan Kok Wai telah mengambil alih tugas sebagai pemangku Pengerusi Kebangsaan.

b) Sdr Seah Leong Peng

Pemergian Sdr Seah Leong Peng, pemimpin veteran Ahli Dewan Undangan Negeri selama tiga penggal dan sebagai Ahli Parlimen kali pertama selepas PRU13, benar-benar menyedihkan Parti. Beliau menjadi bukti dan teladan kepada kesungguhan, dedikasi dan usaha gigih dalam meningkatkan sokongan akar umbi.

c) Sdr Wong Ho Leng

Parti sekali lagi dilanda dengan kepiluan apabila mendapat berita sedih pada 21 Jun 2014 bahawa bekas Pengerusi DAP Sarawak Sdr Wong Ho Leng telah meninggal dunia selepas sakit untuk tempoh yang lama. Oleh kerana beliau dihormati oleh kawan dan lawan politik, pemergian beliau telah mendapat penghormatan besar daripada kedua-dua pihak. Legasi Sdr Ho Leng akan terus kekal dalam kepimpinan DAP Sarawak yang telah beliau bina sejak bertahun-tahun lamanya.

**PERISTIWA POLITIK BESAR**

5. Pilihanraya umum ke-13

Walaupun dengan kelebihan yang amat besar di segi kewangan, jentera dan media di pihak BN, Pakatan Rakyat tetap menang dengan tambahan 7 kerusi Parlimen, meningkat daripada 82 pada 2008 kepada 89 pada 2013 dengan memperolehi 52 peratus undi popular. Pakatan berjaya menambah 32 kerusi Dewan Undangan Negeri di mana DAP berjaya dengan kemenangan yang meyakinkan 22 kerusi, PKR 8 kerusi dan PAS 2 kerusi.

DAP mencatatkan prestasi terbaik dalam sejarah dengan memenangi 28 kerusi Parlimen dan 107 kerusi DUN. Kita mempunyai wakil rakyat dari pelbagai kaum – Melayu, Cina, India dan wakil rakyat Kadazandusun kita yang pertama. Kita bangga kerana mempunyai Ahli Parlimen dan Adun wanita pertama dari kalangan kaum India. DAP juga secara purata mempunyai wakil rakyat yang paling muda berbanding parti-parti lain. Daripada 37 Ahli Parlimen DAP, empat dilahirkan selepas 1980; daripada 104 Adun, 21 dilahirkan selepas 1980. Lima daripada 13 Adun DAP Johor dilahirkan selepas 1980. DAP juga mempunyai nisbah wanita paling tinggi di kalangan calon-calon. Inilah kekuatan yang mesti kita terus membinanya untuk menjadikan DAP sebagai parti pilihan semua rakyat Malaysia. Kita telah buktikan bahawa perjuangan kita adalah pelaksanaan kata-kata kita.

6. Pilihanraya kecil Bukit Gelugor dan Teluk Intan

Kerusi Parlimen Bukit Gelugor dikosongkan setelah pemergian Sdr Karpal. Dengan 89% pengundi memilih DAP, maka parti menyambut kehadiran Sdr Ramkarpal Singh di barisan hadapan politik Malaysia. Kerusi Parlimen Telik Intan dikosongkan setelah pemergian Sdr Seah Leong Peng. Walaupun tewas pada 31 Mei dengan hanya majoriti 238 undi, wajah baru yang muda Sdr Dyana Sofya Mohd Daud telah mampu mencapai cita-cita, menyahut cabaran dan memenuhi tuntutan rakyat dalam usaha merealisasikan hasrat MeMalaysiakan Malaysia.

7. Selangor – dari Langkah Kajang kepada Menteri Besar Selangor yang baru

Langkah Kajang telah menimbulkan perbahasan di ruang awam serta di dalam Parti. DAP telah terjebak dalam pertikaian politik untuk menentukan Menteri Besar yang baru untuk menggantikan pemegang jawatan yang bermasalah, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dari PKR. Episod politik itu telah sedikit-sebanyak mencalar imej Pakatan Rakyat termasuk karenah pimpinan tertinggi PAS dalam mengendalikan isu tersebut, kerana ia telah memberi gambaran kepada umum bahawa tidak wujud perpaduan di dalam koalisi kita. Keputusan yang diperolehi selepas kemelut itu bagaimanapun telah berjaya memecahkan kebuntuan politik. Pihak CEC dan pimpinan DAP Selangor akan terus memainkan peranan sebagai rakan yang tegas dan kuat dalam demokrasi.

8. Tuduhan hasutan terhadap pemimpin DAP & Pakatan Rakyat

Sdr Teresa Kok, Sdr R S N Rayer, Sdr Karpal Singh; ini adalah para pemimpin dan saudara-saudari kita yang menghadapi serangan keras Akta Hasutan 1948. Sdr Khalid Samad, Sdr N Surendran, Sdr Tian Chua juga merupakan mangsa kepada undang-undang penjajah yang zalim ini, bersama-sama dengan pemimpin dan aktivis masyarakat sivil seperti Prof Azmi Sharom, Sdr Susan Loone, Sdr Safwan Anang, Sdr Abu Bakar Baikalani Abu Hassan, Ustaz Wan Ji Wan Hussein dan banyak lagi. Tindakan kejam ini juga mendedahkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sebagai seorang pemimpin yang tidak boleh dipercayai lagi kata-katanya kerana beliau telah berjanji untuk memansuhkan undang-undang zalim tersebut, namun beliau sendiri mungkir janji, semata-mata mahu menjaga hati puak pelampau dalam UMNO sewaktu perhimpunan agung UMNO baru-baru ini.

9. Kes Datuk Seri Anwar Ibrahim

Dua perbicaraan kes liwat yang tidak masuk akal serta memalukan telah dibawakan oleh UMNO-BN terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk menghancurkan pengaruh beliau serta agenda reformasi yang dibawanya. Kini kita hanya menunggu keputusan Mahkamah Persekutuan. DAP berdiri teguh penuh solidariti kepada Sdr Anwar dan akan memberi apa-apa sokongan yang perlu kepada beliau, keluarganya dan sesiapa sahaja yang terlibat, jika mahkamah memutuskan untuk menjatuhkan hukuman penjara terhadap DSAI.

## GAMBARAN BESAR

10. DAP adalah dan akan terus menjadi parti bukan-kaum yang meraikan kepelbagaian kaum yang mana matlamat utamanya ialah untuk mendemokrasikan Malaysia berdasarkan kebebasan, keadilan sosial dan peluang saksama untuk semua. Ia tidak pernah menjadi parti yang hanya berjuang untuk satu-satu kaum atau agama. Ia adalah parti untuk semua.

Dengan matlamat yang murni itu, UMNO-BN sentiasa tidak senang dengan kewujudan DAP. Dengan kemenangan pada 2008 dan sekali lagi pada 2013, DAP menjadi sasaran jentera propaganda UMNO yang semakin menggila dengan niat mahu menghancurkan kewibawaan Parti kita; ia menyebarkan pembohongan, fitnah dan khabar angin tentang DAP, khususnya kepada orang Melayu. UMNO paling takut jika orang Melayu pada suatu hari nanti menolak politik kaum, dan tanpa sokongan orang Melayu, ia bererti berakhirnya era UMNO.

DAP sejak 1966 telah berusaha gigih untuk menarik ahli daripada semua kaum. Tetapi akibat strategi dan taktik kotor UMNO dan agensi-agensi kerajaan, ia telah menyukarkan Parti kita untuk mendekati kaum Bumiputera, terutamanya orang Melayu. Namun DAP tidak pernah mengalah dan akan terus mencari jalan untuk menarik sokongan semua rakyat Malaysia.

Tema Persidangan Kebangsaan 2014 - “Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing” – adalah jawapan DAP kepada cabaran-cabaran masa kini. Menjelang kegawatan ekonomi yang bakal menimpa kita semua, jentera UMNO yang sentiasa menyebarkan kebencian dijangka akan terus menyerang DAP dan Pakatan Rakyat.

Ketidaksamaan ekonomi dan jurang pendapatan di Malaysia adalah antara yang terburuk di Asia, hasil daripada dasar-dasar pemerintahan UMNO-BN sejak enam dekad lalu. Bagaimanapun ketidaksamaan bukanlah isu kaum dan ia tidak boleh ditangani melalui kaedah kaum atau perkauman. Jangan sekali-kali kita melakukan kesilapan dengan melihat segala-galanya dari sudut kaum; itu adalah permainan UMNO-BN. Menjelang kemerosotan ekonomi dan keadaan kewangan yang bakal merudum nanti, DAP mesti menawarkan mesej yang memberi harapan di samping menjelaskan kepada rakyat bahawa kita sebenarnya mempunyai hasil yang lebih daripada cukup untuk semua rakyat, dan bukannya untuk menjadi habuan kepada kroni-kroni UMNO yang terpilih sahaja.

Apa yang lebih penting bagi DAP, selain berada di barisan hadapan yang menyeru ke arah Malaysia yang sederhana dan moderat, ialah menyedari betapa pentingnya perdebatan tentang ekonomi pada tahun-tahun mendatang ini. Kita mesti menyediakan wawasan ekonomi untuk meyakinkan semua bahawa Malaysia boleh menjadi kuasa ekonomi dan sebuah negara yang besar, dengan adanya kerajaan yang baru. Dan menjadi kuasa ekonomi yang besar bermakna mempunyai kitaran sihat gaji yang lebih tinggi, tenaga kerja yang lebih mahir dan hasil produktiviti yang lebih baik; tanpa korupsi, tanpa monopoli atau oligopoli, di samping adanya kerajaan yang memimpin dengan wawasan, melaksanakan tanggungjawab tanpa takut serta tidak memilih bulu, dan menyediakan khidmat masyarakat yang terbaik seperti pendidikan, kesihatan, pengangkutan awam dan perumahan yang adil yang akan menggerakkan negara ke hadapan. Untuk bergerak maju, kita juga mesti menangani masalah jurang geografi bagi membolehkan usaha menyediakan peluang-peluang yang lebih baik kepada Sabah, Sarawak dan semua kawasan separa bandar. Negara yang bersolidariti dengan rakyatnya yang sama-sama berkongsi masa depan adalah jawapan kita kepada ancaman perkauman, pelampau agama, kebencian dan sikap suka memisahkan antara satu sama lain.

**INISIATIF BARU**

11. Roketkini.com dan The Rocket – Edisi Bahasa Malaysia

Pada Mei 2011, DAP telah melancarkan laman web berita pertamanya dalam Bahasa Malaysia, iaitu Roketkini.com. Tujuannya ialah untuk mendekati pembaca Bahasa Malaysia, khususnya orang Melayu. Dengan jumlah kakitangan kecil seramai 5 orang, Roketkini telah mampu menyebarkan berita dan maklumat tentang Parti di alam internet. Kakitangan Roketkini juga mengendalikan akhbar cetak The Rocket – Edisi Bahasa Malaysia yang kini diterbitkan secara berkala setiap bulan untuk diedarkan secara percuma kepada semua cawangan yang membuat tempahan dengan Ibu Pejabat.

12. Sekolah Demokrasi

Bagaimanapun, menyedari bahawa publisiti Parti melalui laman web serta Facebook sahaja tidak mencukupi, DAP telah melancarkan Sekolah Demokrasi (SekDem) pada akhir 2011. Tujuannya ialah mengumpulkan sekumpulan anak muda yang berbahasa Malaysia, kebanyakan mereka orang Melayu, pad setiap sesi untuk belajar dan berkongsi idea tentang demokrasi, sosial demokrasi dan perjuangan DAP. Kita telah mengadakan lebih kurang sedozen program yang membabitkan kira-kira 150 peserta. Para peserta adalah mereka yang berumur di antara 18 dan 30 tahun. Antara

pemimpin parti yang telah hadir untuk memberi syarahan dan berkongsi idea dalam SekDem Sdr Anthony Loke, Sdr Tony Pua, Sdr Liew Chin Tong, Sdr Zairil Khir Johari, Sdr Steven Sim, Sdr Wong Shu Qi and Sdr Dyana Sofya (Dyana juga adalah alumni SekDem). Kakitangan Roketkini.com Sdr Edry Faizal and Sdr Iza Suraiya adalah penyelaras SekDem bersama dengan ketua jurulatih Ustaz Hakim Ramlee.

Impian kita adalah untuk menjadikan mereka sebagai Demokrat Malaysia. Matlamat kita ialah membawa mereka - jika tidak semua pun, seberapa ramai yang boleh - untuk bersama dengan Parti, bagi memenuhi harapan berkhidmat kepada rakyat melalui DAP. Ini bermakna kita berharap para demokrat Melayu Malaysia ini tidak lama lagi mampu menjadi pemimpin cawangan, pemimpin negeri, Ahli Majlis, dan mungkin sebagai calon pilihanraya pada masa depan. Ini adalah harapan kita untuk hari esok yang lebih baik.

13. Impian Malaysia

Impian Malaysia adalah inisiatif DAP untuk menyampai, mengilham, mendidik, melibat urus dan memberdayakan rakyat Malaysia. Ia mahu kepada satu masyarakat majmuk, berpadu sebagai satu bangsa yang menjangkaui perbezaan kaum, agama, budaya dan bahasa; dan meraikan kepelbagaian, tolak ansur dan fikiran terbuka, dan menolak kebencian, prejudis dan ekstremisme. Impian Malaysia adalah usaha berkongsi dan bersama dengan rakyat melalui aktiviti-aktiviti seperti membina projek infrastuktur pedalaman, menyertai program pendidikan dan mengambil bahagian dalam inisiatif memberdayakan anak muda. Semua aktiviti ini adalah ceria, menyeronok dan menggembirakan; dan ia telah berjaya menarik penyertaan golongan muda.

Program-program Impian Malaysia telah bermula sejak 2013 dengan pelancaran Impian Sarawak di mana para pemimpin dan ahli DAP bersama dengan sukarelawan bergotong-royong dengan penduduk kampong tempatan untuk membina kemudahan asas seperti jalan kampong, bekalan air dan elektrik, dan infrastruktur lain. Dari Sarawak ke Impian Sabah, dan kini projek-projek Impian hadir di Semenanjung bersama dengan masyarakat Orang Asli.

Kita berharap untuk menarik penyertaan dari kalangan generasi muda Melayu yang masih amat berkurangan pada masa ini. Kita berharap dengan adanya lebih banyak interaksi dan penyelarasan di kalangan alumni SekDem dan ahli-ahli baru dari kalangan orang Melayu dengan ahli-ahli muda pelbagai kaum Parti kita, ia dapat mencetuskan lebih banyak program yang bersifat inklusif mulai 2015 nanti.

14. Retreat Kebangsaan pada Jun 2014

Pihak CEC juga memutuskan dan mengadakan satu retreat Kepimpinan Kebangsaan untuk semua wakil rakyat Parti yang bertemakan “Politik baru, wilayah baru”. Hasil retreat itu adalah pembentukan beberapa kaukus separa rasmi, iaitu Kaukus Urustadbir Bandar, Kaukus Separa Bandar, Kaukus Impian Malaysia dan Kaukus Hijau. Semua kaukus ini akan menjadi platform untuk perbahasan dan perbincangan sesama pimpinan parti di samping meningkatkan pengetahuan ahli-ahli dengan tahap baru wacana dasar untuk sebaran umum.

15. Kaukus Urustadbir Bandar pada 24 Julai 2014

Susulan daripada pembentukan Kaukus Urustadbir Bandar, semua ahli-ahlinya mengadakan mesyuarat dasar selama dua hari di Pulau Pinang yang dikendalikan oleh DAP Pulau Pinang. Mesyuarat itu menghasilkan beberapa kumpulan kecil yang menumpukan kepada Pengangkutan dan Mobiliti, Pengurusan Sisa Buangan, Perancangan Bandar dan Pembinaan Masyarakat. Hasil lain adalah persetujuan ramai bahawa perlu ada penyusunan kaukus yang menyediakan platform

untuk berkongsi amalan yang terbaik, dan kaukus utama serta kumpulan kecilnya meneruskan hubungan dan komunikasi untuk perbincangan yang lebih mendalam.

16. Mesyuarat Kaukus Deklarasi Gelang Patah pada 25 Julai 2014

Pada 31 Mac 2013, Deklarasi DAP Gelang Patah “Wawasan dan Strategi untuk Pemberdayaan Kaum India” telah dilancarkan di Gelang Patah dalam satu perjumpaan yang bersejarah yang dihadiri oleh pimpinan DAP Kebangsaan, Negeri dan Tempatan. Pada 25 Julai 2014, satu persidangan telah diadakan untuk melanjutkan perbincangan tentang dasar-dasar yang telah dilaksanakan dan tindakan-tindakan yang dijanjikan dalam deklarasi tersebut; dan juga menggubal rancangan-rancangan yang lebih tegas untuk mengukuhkan agenda yang ditentukan oleh deklarasi berkenaan.

17. Mesyuarat Kaukus Separa Bandar pada 19 & 20 September 2014

Kita telah mengenal pasti bahawa kawasan-kawasan separa bandar adalah kawasan yang menawarkan peluang paling baik untuk Parti berkembang. Kaukus Separa Bandar telah menganjurkan satu persidangan di Johor, khusus untuk menumpukan kepada aspek politik bagi memasuki kawasan-kawasan separa bandar, dengan menjemput para pemimpin yang mempunyai pelbagai pengalaman berkaitan untuk berkongsi pandangan dan kaedah yang telah membantu menjayakan usaha mereka selama ini. Perbincangan turut melibatkan dasar seperti agenda mengutamakan masyarakat tempatan, pertanian, hortikultur dan perikanan, di samping membincangkan hasil-hasil kajian di kawasan separa bandar.

# 议程三：中央执行委员会报告

## 概括

1.

随着第16届党员代表大会于2012年12月15及16日在槟城举行及现有中委会的特别选举于2013年9月29日在八打灵再也举行后，2014年党员代表会议现于2014年12月14日在雪兰莪梳邦再也USJ 25的One City召开。

2.

今年党员代表会议之主题为“风雨同舟，团结互助”，反映了本党秉持团结、包容、社会正义及人人机会平等的价值与民同在的决心。

## 本党现况

3. 民主行动党与社团注册局

2008年大选，我们党赢得空前成绩。自此，由巫统所掌控的国阵乐此不彼地攻击民主行动党。理由很简单：如果马来西亚人民，尤其是马来人，可以接受民主行动党或非种族政党，那将是种族政党的末日。国阵/巫统不断进行敌对行动，甚至动用到社团注册局企图于2013年第13届全国大选前夕撤销民主行动党的政党注册。但我们拒绝妥协，最终取得首轮的胜利。

随后当社团注册局向我们展开攻击时，我们在法律及政治博弈上再次获胜,因为社团注册局被我们党起诉后不得不承认，它指示民主行动党于2012年9月29日以正当程序选举出来的党中央执行委员会不可为民主行动党做任何决定的行动，是不具任何法律约束力的。

虽然民主行动党早先被迫在面对可能被解散的压力下遵从社团注册局的指示而在抗议的情况下进行党重选，但我们团结一致，证明我们不会被打倒。虽然威胁还是存在，我们还是会继续斗争。我们深信所有党员都将尽全力捍卫党。

4. 痛失敬爱的领袖

我们深切悼念数位奉献生命以建造一个以真民主、公平和机会平等为基础的新马来西亚的党内领袖及同志，他们是我们党的中流砥柱，我们为他们的离去感到深刻的惋惜与伤痛。愿他们一路走好，并向他们的家属表达深切的慰问。

a）卡巴星同志

我们党主席卡巴星同志，我们国家的良知，于2014年4月17日离开我们。即使在他生命最后的一刻，他还是如我们所赞颂和追随的领袖一样，无所畏惧地继续他的斗争。当他2014年3月29日慷慨就义辞去党主席，以抵消国阵/巫统诬告我们党的一切可能性时，我们看到了真正的日落洞之虎卡巴星精神及无与伦比的领导能力。目前，陈国伟同志暂代全国主席一职。

b）谢昂平同志

曾担任三届州议员并首次中选为国会议员的谢昂平同志，于今年5月1日走完人生的道路，他

的离世是我们党另一个重大的损失。谢昂平同志任劳任怨，以不懈的努力为党赢得广大草根阶层的支持。

c）黄和联同志

今年6月21日，我们党受到进一步打击。当时的民主行动党砂拉越州主席黄和联同志不敌病魔与世长辞后，他的离去令悲伤密布全党。黄和联同志赢得了政治伙伴及对手的钦佩，大家不分政党，毫无保留地的向他最后致敬及致哀，黄和联同志多年来耕耘的政治遗产将继续在党内及砂州领导层发扬光大。

重大政治事件

5.　　第13届全国大选

尽管国阵在资金、竞选机器及媒体方面占尽优势，但民联还是能多拿下额外的7个国会议席，从2008年的82席增加至2013年的89席，并赢得52%的多数选票。民联在州议席方面也额外斩获32席，其中中民主行动党占了22席、公正党8席，及伊斯兰党2席。

民主行动党创下了史上最佳的成绩，共赢得38个国会议席及107个州议席。我们的民选代议士来自各个种族 -- 巫裔、华裔、印裔，还有我们党的首名卡大山杜顺籍州议员也在2013年大选诞生。与此同时，我们也迎来了首名印裔女性国会议员及州议员，可喜可贺。

民主行动党也拥有各政党中平均年龄最低的民选代议士。民主行动党37名国会议员当中，有4名是80后出生；104名州议员当中，有21名是80后出生。13名柔佛州议员当中，5名是80后。而民主行动党的女性候选人比例也是全国最高。这些都是我们的强项，我们必须再接再厉成为全马人民的首选政党。我们言出必行。

6.　　武吉牛汝尔及安顺补选

卡巴星同志的离世令武吉牛汝尔国会议席出现空缺。补选中民主行动党获得89%选民的委托而大获全胜，我党迎来蓝卡巴星同志加入马来西亚政治最前线。而安顺国会议席也因为谢昂平同志的逝世而进行补选。尽管5月31日我们党候选人以238票失守安顺国会议席，但新兵黛安娜在落实马来西亚梦想的期待、挑战及要求上表现标清。

7.　　雪兰莪 – 从加影行动到新的雪州大臣

“加影行动”引起公众及党内的巨大争议。民主行动党受困于这场政治混战中，必须决定由哪一位新大臣人选来取代当时问题不断的公正党丹斯里卡立依布拉欣。这宗事件沾染了民联的形象，包括伊斯兰党最高领导层在处理此改问题上的表现，导致公众产生了“民联不团结”的印象。无论如何，这个负面的政治僵局最终还是迎刃而解。中委会及雪兰莪州民主行动党领导层将在民主体系上继续扮演我们强大的伙伴角色。

8.　　民主行动党及民联领袖面对的煽动控状

我们党领袖及同志，包括：郭素沁同志、雷尔同志、卡巴星同志，都面对煽动法令的对付。我们的友党领袖卡立沙末、苏仁德兰、蔡添强也在此殖民恶法下受迫害。面对同样命运的社运领袖及活跃分子还包括：阿兹米沙隆教授、伦秀英、萨万、阿布巴卡、传教士旺吉等。首相拿督斯里纳吉暴露了他言而无信、出尔反尔的一面，他曾公开承诺废除恶法，随后却违背自己的诺言，以在巫统大会上讨好极端派。

9. 拿督斯里安华的案件

国阵/巫统捏造两宗莫须有且可耻的肛交案诉讼，以摧毁拿督斯里安华及其改革议程。我们现等待着联邦法院的判决。民主行动党毫无保留地全力声援拿督斯里安华，并将在最坏的情况下，尽可能给予他、他家人及所有涉及者一切必要的支持。

**大愿景**

10.
民主行动党一直都是多元种族政党，目地是要创造一个以自由、社会正义和全民均等机会的马来西亚。我们不只是为了单一族群或宗教而奋斗，我们是全民政党。
有鉴于我们党的这个崇高目标，国阵/巫统一直对民主行动党的存在感到不安。当我们在2008和2013年的选举胜利后，巫统宣传机器加强力度，特别是在马来社会以散播谎言、欺骗和恶毒谣言来抹黑行动党的声誉。巫统最害怕是马来人有朝一日拒绝种族政治，进而失去马来人支持，那将令巫统走向没路。

自1966年创党以来，民主行动党致力招募各族党员，但巫统通过国家机关，实行种种肮脏策略和手段，导致民主行动党相当艰难打入土著，特别是马来群众中。尽管如此，民主行动党从未放弃，一直寻找方案来接触全民。

2014年全国代表会议的主题是“风雨同舟，团结互助”，这是民主行动党对当今挑战的回应。当经济逐渐放缓，即将形成危机之际，巫统宣传机器将继续以嫉恨为武器，攻击民主行动党和民联。

由于巫统/国阵过去60年的政策，致使马来西亚的贫富不均等情况位居亚洲榜前。但贫富不均等与种族无关，也不应该以种族角度来回应。我们不应从种族角度看事情，而掉入巫统国阵的种族陷阱中。正当国家面临经济放缓和财务危机之际，民主行动党必须要提供我们解决问题的方案，以及向全国人民解释党政策路线能惠及全民，而不是为少数贪婪的巫统朋党服务。

民主行动党不但在主张中道大马的概念上站在前锋，我们也必须要把经济辩论纳入其中，以反映经济在未来数年对国家的重要。我们必须要提供一个可行的经济方案，来说服大家，马来西亚在一个新政府治理下，可以成为一个强大的经济体和伟大的国家。一个强大的经济体，拥有高薪水、高技术和高产出的良性循环之际，也没有贪污和垄断寡头，以及政府公正无私，以具前瞻性治国理念来领导，提供良好的教育、保健、公共交通和适宜房屋等公共服务，推动国家前进。

为了带领国家前进，我们必须要处理国内地域鸿沟的问题，让沙巴、砂拉越和半城乡地区享有更多的机会。全民在共同的命运中团结互助，是我们用以回应种族主义、宗教极端主义、

憎恨和分裂最佳武器。

## 新计划

11.　推出马来文版《火箭报》和《当局火箭》网站

在2011年5月，民主行动党推出首个马来文新闻网站《当今火箭》（Roketkini.com），透过网络世界向以国语为媒介语的群众，特别是马来人，宣传党新闻和资讯。《当今火箭》的工作人员也管理出版国语版《火箭报》月刊，由党总部发放给预订的支部对外免费派发。

12.　民主学院

尽管如此，党宣传机器通过网站和面子书犹显不足，因此民主行动党在2011年年末设立了民主学院（Sekolah Demokrasi）。这是为了召集以国语为主的群体（多数为马来人），学习和分享民主、社会民主和民主行动党的斗争。我们举办了超过12个项目，以、训练约150名参与者。而他们年龄介于18到30岁。《当今火箭》职员Edry Faizal和Iza Suraiya，及首席讲师Ustaz Hakim Ramlee合作协调民主学院的课程。

我们希望能把参与者训练为信奉民主的马来西亚人。若不能让全部人参与，至少其中一部分能成为党员，通过民主行动党的平台来实现服务人民利益的理想。我们也期望这些年轻马来民主人士，能够在未来成为我们支部、州属领袖、市议员，甚或是大选候选人。这是我们打造更好明天的希望。

13.　马来西亚之梦

民主行动党推出“马来西亚之梦”运动，旨在宣传、启发、教育、交流和赋权全体马来西亚人。此外，该运动也放眼超越种族、宗教、文化和语言差异，团结和欢庆多元社会、包容和开放，以及拒绝憎恨、偏见和极端。“马来西亚之梦”是通过一系列活动如建造乡区基建、参与教育活动和青年赋权活动来关心和接触人民。这些都是充实及欢乐的活动，成功吸引许多青年的参与。

我们的运动早在2013年展开的“砂拉越之梦”活动上启动，民主行动党领袖、党员和志愿者，已在砂拉越、沙巴及半岛原住民社群，跟当地居民紧密合作建造马路、水供和电供等基本设施工程。

我们希望有更多的马来青年加入我们的运动，我们希望通过民主学院毕业生及新马来学员跟青年党员的交流，我们在2015年可以进行更多包容性的活动。

14.　6月份的全国领袖研讨会

中委会也为全体民选代议举办了一项全国领袖工作营，主题为“新政治，新战线”，并于成立了数个半正式核心小组，包括城市治理小组、半城乡小组、马来西亚梦想小组及绿色小组。这些小组会议将提供党领袖辩论及讨论的空间，并为成员装备一个向公众传播的全新水平

政策论述。

15.　　2014年6月24日的城市治理党团会议

随着城市治理小组的成立，相关成员在槟城举办了由槟州民主行动党协办的两天政策会议。该会议生产了数个附属小组，专注于交通与流动、固态废料管理、城市规划及社区建设。当中也达致了一个主要共识，即核心小组提供了一个专注分享最佳做法的平台，而到目前为止，主要核心小组及附属小组维持着一个高水平的沟通与深度讨论。

16.　　2014年6月25日的《振林山宣言》小组会议

在2013年3月31日，民主行动党全国、州及地方领袖在振林山推展历史性的“印裔赋权的愿景与车略”宣言，也称《振林山宣言》。在2014年6月25日，我们举办了一项研讨会议，悉数已被落实的宣言承诺，以及拟定未来的发展计划。

17.　　2014年9月19日及20日的半城乡党团会议

半城乡选区被鉴定为目前赋予最多我们党壮大机会的地区。而半城乡小组在柔佛举办了一项大会，主要专注于研究打入半城乡地区的政治环节，并邀请了拥有丰富相关经验的领袖到场，分享他们取得目前成就的方法与对策。讨论内容包括政策领域如本土化议程、农业、园林及渔业政策。

# Agenda 3: Central Executive Committee Report

**GENERAL**

1. The National Conference 2014 is held at One City, USJ 25, Subang Jaya, on the 14th December 2014, following the 16th National Congress on 15th and 16th December 2012 in Penang and the re-balloting for the existing Central Executive Committee (CEC) on 29th September 2013 in Petaling Jaya.

2. The theme for this Conference is "Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing." This is an old Malay saying to reflect the DAP's commitment to the solidarity of all Malaysians towards unity, tolerance, social justice and equal opportunities for all.

**STATE OF THE PARTY**

3. The DAP vs ROS

Since the electoral success of 2008, the UMNO-controlled Barisan Nasional has been attacking the DAP day and night. The reason is simple: if Malaysians, especially the Malays can accept the DAP or non-racial politics, it will spell the end of racial politics. UMNO-BN's relentless hostile actions even amounted to attempts by the Registrar of Societies (ROS) to ban DAP on the eve of the 13th General Election in 2013. We refused to back down and we have won the first round.

Then the ROS came charging at us. And again, a great legal and political battle was won, when the ROS was forced to concede in court after being sued by DAP, that ROS's directive that the party's rightful central executive committee, elected on the 29th September 2013 ought not to make decisions for the DAP as it was not recognized, was not legally binding.

Although DAP was constrained to agree to the ROS's earlier demand of conducting fresh party elections, at risk of being de-registered, and we did hold this reelection but under protest, we worked in solidarity and proved that we will never be defeated. Although the threats are there, we will continue with our struggle. We have faith in each and every one of the Party members will do his/her best to defend our rights to exist.

4. The loss of our beloved leaders

It is with deepest regret and sadness that we mourn the passing of our party stalwarts who had given us most of their life to build a new Malaysia based on true democracy, justice and equal opportunity. We bid them farewell and we extend our condolences to their respective family members.

a) Sdr Karpal Singh

Our Party Chairman Sdr Karpal Singh, who has been the voice of conscience to our nation, tragically left us on the 17th April 2014. Yet even until his final moments, he was fighting the fight that many of us admired and followed him for as a fearless leader. In his sacrificial move of resigning as party chairperson on the 29th March 2014, to remove all possibilities of our party being incarcerated by UMNO-BN's persecutions, we saw the true spirit of Karpal and unparalleled

leadership in the tiger that he was. Sdr. Tan Kok Wai assumed the position of acting National Chairman.

b) Sdr Seah Leong Peng

Our three-term state assembly veteran and first term Parliamentarian, Sdr Seah Leong Peng's departure on 1st May spelt another painful bereavement for the party. He was a true testament to the power of dedication and unfettered hard work in building a strong grassroots support.

c) Sdr Wong Ho Leng

The party was plunged into further sorrow and despair, when on the 21st June, the then Chairman of DAP Sarawak Sdr Wong Ho Leng, passed away after a long battle with illness. Such was the admiration he held among friends and political opponents, that unreservedly positive tributes and condolences poured in from both sides of the political divide. Sdr Ho Leng's legacy will remain strong in the ever growing influence and current leadership of DAP Sarawak that he has built over the years.

**MAJOR POLITICAL EVENTS**

5. The 13th General Election

Despite the overwhelming advantage of money, machinery and media enjoyed by the BN, Pakatan still won an additional 7 parliament seats, from 82 in 2008 to 89 in 2013 with 52 percent of popular vote. Pakatan won an additional 32 state seats; with the DAP convincingly gaining 22 seats, PKR 8 and PAS 2.

The DAP recorded its best performance in history by winning 38 parliamentary and 107 state seats. We also have elected representatives from all races – Malays, Chinese, Indians, and our first Kadazandusun *wakil rakyat*. We are proud to have our first female Indian MP and Assemblyperson. The DAP also has the averagely youngest delegation of elected representatives among all parties. Of the current 37 MPs from the DAP, four were born after 1980; of the current 104 state assemblymen, 21 were born after 1980. Five out of 13 Johor DAP State Assemblypersons were born after 1980. The DAP also has the highest proportion of women among candidates. These are our strengths that we must continue to build upon in order to be the choice party of all Malaysians. We walk the talk.

6. The Bukit Gelugor and Teluk Intan by-elections

The Bukit Gelugor Parliamentary seat was vacant because of Sdr Karpal's departure. With 89% of the electorate granting DAP a resounding victory, the party welcomes Sdr Ramkarpal Singh into the frontlines of Malaysian politics. The Teluk Intan Parliamentary seat was vacant because of Sdr Seah Leong Peng's departure. Despite the 31st May defeat of the Teluk Intan parliamentary by election by a mere 238 votes, party novice Sdr Dyana Sofya Mohd Daud has risen to the expectations, challenges and demands in the quest to realise the dream of a Malaysian Malaysia.

7. Selangor – from Kajang Move to a new Selangor Menteri Besar

The "Kajang move" has been a matter of huge contention both within the public sphere as well as within the party. The DAP was locked in a political scuffle to determine the new Menteri Besar to replace the problematic Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim of PKR. Such an episode has tainted Pakatan

Rakyat, including the antics of PAS top leadership in handling the issue, as it had given the impression to the public that there was no unity among the coalition. The outcome of the aforementioned negativities did however manage to resolve political impasse. The CEC and the leadership of the Selangor DAP will continue to play its role of a strong partner in democracy.

8. Sedition charges against DAP & Pakatan Rakyat Leaders

Sdr Teresa Kok, Sdr R S N Rayer, Sdr Karpal Singh; these are our leaders and comrades who are facing the full wrath of the Sedition Act 1948. Sdr Khalid Samad, Sdr N Surendran, Sdr Tian Chua are also victims of this cruel colonial law, together with civil society leaders and activists such as Prof Azmi Sharom, Ms Susan Loone, Safwan Anang, Abu Bakar Baikalani Abu Hassan, Ustaz Wan Ji Wan Hussein and many more. It also exposed Prime Minister Datuk Seri Najib Razak as the leader whose words can never be trusted again as he had promised to abolish the draconian law, and yet reneged on his own words, merely to please the extremist faction of UMNO during the recent UMNO general assembly.

9. The case of Datuk Seri Anwar Ibrahim

The two sham and shameful sodomy trials perpetrated by UMNO-BN to destroy Datuk Seri Anwar Ibrahim and the reform agenda have come to a head, with all of us waiting for the Federal Court's decision. DAP stands unreservedly in full solidarity and will give all support necessary and possible to DSAI, his family and all involved should the worst case prevails.

**THE BIG PICTURE**

10. The DAP is and will always be a non-ethnic multiracial party whose sole aim is to democratise Malaysia based on freedom, social justice and equal opportunities for all. It is never a party that fights only for a particular race or religion. It is the party for all.

With such a noble aim. UMNO-BN has always been uneasy with the DAP's existence. With the victory of 2008 and again in 2013, the UMNO propaganda machine has upped the ante to destroy DAP's credibility by spreading lies, deception and malicious rumours, especially among the Malays. UMNO's greatest fear is that Malays may one day reject racial politics, and without the Malay support, it will the end of UMNO.

The DAP since 1966 has been trying very hard to bring in members from all races. But the aforementioned dirty strategies and tactics by UMNO and the state agencies made it difficult for our Party to reach out to the Bumiputera, especially the Malays. Yet the DAP never gives up and keep finding ways to reach out to all Malaysians.

The theme for the 2014 National Conference – "Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing" – is DAP's response to the challenges of our time. With a looming economic slowdown, if not a crisis as yet, UMNO's hate machine will continue to attack the DAP and Pakatan Rakyat.

Inequality in Malaysia is one of the worst in Asia, as a result of policies of the ruling UMNO-BN for nearly past six decades. However inequality is not racial and shouldn't be treated racially. We must never make the mistake of looking at things racially; that's the game of UMNO-BN. In a slowdown and difficult financial moments ahead, the DAP must offer our message of hope, as well as explaining to the nation that we have more than enough for the need of all, but not the greed of the UMNO-linked selected few.

Not only that DAP is at the forefront of calling for a moderate Malaysia, what is crucial for the years ahead is to take cognizance of the primacy of economic debate. We must provide an economic vision to convince all that Malaysia can be a great economy, and a great nation, with a new government. And a great economy means virtuous cycle of higher wages, better skills and productivity gains; with no corruption, no monopolies or oligopolies, as well as one that the government leads with vision, regulates without fear or favour, and provides great public services like education, health, public transport and decent housing that move the nation forward.
To move the nation forward, we must also address geographical divide to provide greater opportunities for Sabah, Sarawak and semi-urban areas. A nation in solidarity with its people sharing a destiny is our response to racism, religious extremism, hatred and divisiveness.

**NEW INITIATIVES**

11. Roketkini.com and The Rocket – Edisi Bahasa Malaysia

In May 2011, the DAP launched its first Bahasa Malaysia news website Roketkini.com. The purpose is to reach out to Bahasa-speaking Malaysians, especially the Malays. With a skeleton crew of 5 people, Roketkini manages to spreads party news and information in the cyberworld. The Roketkini staff also manage the now-regular monthly printed publication of the Rocket – Edisi Bahasa Malaysia. It's distributed free to all branches who ordered copies from the HQ.

12. Sekolah Demokrasi

However, realising that party publicity through the website as well as its Facebook is not adequate, the DAP launched Sekolah Demokrasi (SekDem) by the end of 2011. The purpose is to bring together a small group of Bahasa-speaking people, most of them Malays, to learn and share about democracy, social democracy and the struggle of the DAP. We have had about a dozen programmes, training some 150 participants. These are young people aged between 18 and 30. Among the party leaders who had lectured at SekDem were Anthony Loke, Tony Pua, Liew Chin Tong, Zairil Khir Johari, Steven Sim, Wong Shu Qi and Dyana Sofia (Dyana is also a SekDem alumnus). Roketkini.com staff Edry Faizal and Iza Suraiya are coordinating SekDem with our chief trainer Ustaz Hakim Ramlee.

Our dream is to make them become Malaysian democrats. Our aim is to get them, some if not all, to be with the party, to fulfil the hope of serving the interest of the people through the DAP. This means we hope for these young Malay democrats to become branch leaders, state leaders, local councillors, and perhaps our election candidates in the future. This is our hope for a better tomorrow.

13. Impian Malaysia

Impian Malaysia is the DAP's initiative to inform, inspire, educate, engage, and empower Malaysians. Among other things, it envisions a plural society, united as one people rising above ethnic, religious, cultural and linguistic differences; to celebrate diversity, tolerance and open-mindedness, and to reject hatred, prejudices and extremism. Impian Malaysia is about sharing, caring and being with the people through activities such as building rural infrastructural projects, participating in educational programmes and joining youth empowerment initiatives. These are fun, jolly and happy activities; and have managed to attract the participation of young people.

Programmes have begun since 2013 with the launch of Impian Sarawak where DAP leaders and members with volunteers worked hand in hand with local villagers to build basic infrastructure such

as roads, water and electricity supply, and other amenities. From Sarawak to Impian Sabah, and now the Impian projects are in the Peninsula with the Orang Asli community.

We hope to get more participation from young Malays which is still lacking at the moment. We hope that with more interactions and coordination among alumni of Sekdem and new Malay members with the younger members of the Party can spark more inclusive programmes for the year 2015 onwards.

14. National retreat in June

The CEC also resolved to and carried out a National Leadership retreat for all elected lawmakers of the party, themed 'New politics, New frontier'. The outcome of the retreat was the formation of several semi-formal caucuses, namely the Urban Governance Caucus, the Semi-Urban Caucus, the Impian Malaysia Caucus, and the Green Caucus. The caucuses would provide the platform for debates and discussion among party leaders, as well as to arm the membership with a new level of policy discourse for public dissemination.

15. Urban Governance Caucus meeting on 24th July 2014

Following the formation of the Urban Governance Caucus, its members conducted a two-day policy meeting in Penang, hosted by Penang DAP. The meeting produced several sub-groups focusing on Transport and mobility, Solid Waste Management, Urban Planning and Community building. There was also an overriding consensus that the caucus arrangement provided a platform for focussed sharing of best practices; and the main caucus and its sub-groups have, until present maintained a high level of ongoing communication and in depth discussions.

16. Gelang Patah Declaration Caucus meeting on 25th July 2014

On 31st March 2013, the DAP Gelang Patah Declaration "A Vision and Strategy for Indian Empowerment" was formally launched in Gelang Patah at a historic meeting attended by DAP national, state and local leaders. On the 25$^{th}$ July 2014, a conference was held to elaborate on the thus far delivered policies and actions pledged in the declaration; and also to forge stronger plans to embolden the agenda set by the declaration moving forward

17. Semi-urban Caucus meeting on 19$^{th}$ and 20$^{th}$ September 2014

It was identified that the semi urban constituency was an area that presents the most opportunities for the party's growth. The Semi Urban Caucus organised a conference in Johor, specifically focussing on the political aspects of venturing into semi-urban grounds, by inviting leaders with relevant and longstanding experiences to share thoughts and methods that have aided their successes to date. Discussions include areas of policy such as the Localisation agenda, Agriculture, Horticulture and Fishery Policies., as well as the findings of an independently conducted poll on the semi urban constituency.